

27 JUN 2003

Jet-Ski-Tiba (Bergambar)/I

PENUNGGANG JET-SKI LANGKAWI-KOTA KINABALU SELAMAT TIBA

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Empat rakyat Malaysia hari ini mencipta rekod sebagai pasukan penunggang jet-ski pertama yang berjaya menyeberangi Laut China Selatan dari Semenanjung ke Malaysia Timur.

Keempat-empat mereka tiba di sini, tengah hari ini setelah mengharungi perjalanan penuh cabaran sejauh 2,411km selama 18 hari.

Alex Chai, 35, Simon Low, 35, Rosli Bagat, 38, dan Nazar Omar, 38, tiba di destinasi terakhir mereka di Sutera Harbour Marina di sini pada 3.20 petang dengan diiringi paluan kompang.

Ketibaan peserta acara Cabaran Malaysia X 2003 ini disambut pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah, Datuk Tengku Zainal Adlin Tengku Mahmood.

Sebelum tiba di sini, mereka terpaksa mengharungi pelbagai pahit getir termasuk pancaran mentari yang membakar tubuh serta gelombang besar, kadangkala hingga setinggi tiga meter.

Pasukan itu memulakan perjalanan dari Langkawi pada 10 Jun untuk menuju ke Pulau Pinang, Lumut, Pelabuhan Klang, Melaka, Johor Baharu, Pulau Acastar, Pulau Muri, Kuching, Mukah, Miri dan Labuan, sebelum tiba di sini.

Ketua pasukan, Alex Chai berkata kesemua mereka berasa amat gembira kerana berjaya menyempurnakan perjalanan itu yang akan tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai perjalanan paling jauh dengan jet-ski.

"Kami benar-benar berazam untuk menyempurnakan misi ini. Tak seorang pun dalam pasukan ini yang merungut. Kami berasa amat gembira," kata Alex.

Menurut penunggang ini, perjalanan paling mencabar ialah bagi jarak 300km dari Johor Baharu ke Pulau Acastar, satu daripada dua pulau yang menjadi tempat bermalam kumpulannya sebelum tiba di Kuching.

"Kami mengalami cuaca yang amat buruk sebaik saja melepasi Pulau Batu Puteh. Sepanjang perjalanan sejauh 300km itu, kami dilanda gelombang besar. Ketika dilambung gelombang, kami tidak dapat melihat satu sama lain kerana dilindungi ombak," katanya.

Ditanya tentang rancangan anggota pasukannya selepas ini, Alex berkata mereka bercadang mengeliligi pulau Borneo.

"Tetapi, sebelum itu, saya perlu kembali bertugas...sudah sebulan lamanya saya bercuti," kata tuan punya syarikat pengangkutan dan penghantaran yang berpejabat di Miri ini.

Sementara itu, pengurus pasukan berkenaan, Bruce Chai berkata mereka akan menjadikan kejayaan itu sebagai hadiah perpisahan untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Oktober ini.

-- BERNAMA

JS SP RON